



PEJABAT KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA,
Office of the Director General of Education Malaysia
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA,
PARAS 7, BLOK J PUSAT BANDAR DAMANSARA
Level 7 Block J Damansara Town Centre
50604 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2556900
Fax : 03-2535150
Kawat: "PELAJARAN"

KP(BS)8591/Jilid XV/(8)
10 Jun 1999

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Y.Bhg. Dato'/Datin[Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 8 / 1999:
Keselamatan Diri Murid Dalam Perjalanan Pergi Dan Balik Sekolah

Surat Pekeliling Ikhtisas ini hendaklah dibaca bersama dengan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9/1988: Keselamatan Diri Pelajar Di Sekolah, Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4/1993: Pelaporan Kejadian Tidak Diingini Di Sekolah, dan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/1993: Laporan Kepada Polis Salah Laku Berbentuk Jenayah.

2. Kementerian Pendidikan akhir-akhir ini ada menerima laporan dan aduan mengenai kejadian di mana murid menjadi mangsa kepada pelbagai jenis perbuatan jenayah semasa dalam perjalanan pergi dan balik dari sekolah, yang dilakukan oleh orang yang tidak berperikemanusiaan. Meskipun perbuatan jenayah tersebut dilakukan di luar kawasan sekolah dan memang sukar bagi sekolah untuk membuat pengawasan, namun Kementerian Pendidikan berpendirian bahawa keselamatan dan kebajikan murid hendaklah sentiasa menjadi keutamaan perhatian pihak sekolah,

3. Surat Pekeliling Ikhtisas ini dikeluarkan dengan tujuan menegaskan kepentingan mewujudkan peraturan-peraturan mengenai keselamatan dan langkah-langkah pencegahan yang perlu diamalkan, untuk melindungi murid daripada menjadi mangsa kepada perbuatan jenayah yang tidak diingini, sama ada di dalam atau di luar kawasan sekolah. Pihak sekolah hendaklah memastikan semua murid sentiasa sedar dan peka tentang kemungkinan berlakunya perbuatan jenayah ke atas diri mereka.

4. Pekeliling-pekelling Ikhtisas mengenai keselamatan murid yang dikeluarkan sebelum ini hendaklah sentiasa dijadikan panduan dan rujukan. Di samping itu, langkah-langkah seperti berikut bolehlah diambil oleh pihak sekolah.

- 4.1 Memanfaatkan sepenuhnya penubuhan Jawatankuasa Pemuafakatan Sekolah, Jawatankuasa Keselamatan Sekolah atau Persatuan Ibu Bapa dan Guru dalam merancang langkah-langkah keselamatan murid.
- 4.2 Mendapatkan kerjasama dari pihak polis dan ibu bapa untuk membuat rondaan di kawasan-kawasan yang difikirkan berisiko dari segi keselamatan.
- 4.3 Membersihkan semak samun kawasan, laluan dan jalan yang digunakan seharian oleh murid-murid supaya lebih terbuka dan selamat.
- 4.4 Mewujudkan tatacara yang jelas mengenai cara membuat pelaporan tentang insiden atau orang-orang yang disyaki mempunyai niat jahat.

- 4.5 Mempamerkan poster atau peraturan mengenai keselamatan bagi meningkatkan kepekaan dan kesedaran murid tentang pentingnya amalan dan sikap sentiasa berhati-hati dan berwaspada apabila dalam perjalanan pergi dan balik sekolah.
- 4.6 Menggunakan apa sahaja ruang, seperti perhimpunan mingguan, pemakluman oleh guru tingkatan, guru darjah dan warden asrama, mesyuarat staf, mesyuarat pengawas dan seumpamanya, bagi memperingatkan semua warga sekolah tentang pentingnya menjaga keselamatan dan kebajikan diri masing-masing.
- 4.7 Menubuhkan Kelab Pencegahan Jenayah di Sekolah.

Sila maklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada semua sekolah di negeri Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



DATO' DR. ABDUL SHUKOR ABDULLAH
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

sk Y.B. Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak
Menteri Pendidikan Malaysia

Y.B. Dato' Haji Mohd Khalid Yunus
Timbalan Menteri Pendidikan

Y.B. Datuk Dr. Fong Chan Onn
Timbalan Menteri Pendidikan

Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan

Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha

Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan

Ketua-Ketua Bahagian Kementerian Pendidikan

Ketua Nazir Sekolah

Pegawai Perhubungan Awam